

KL, Putrajaya capai 100 peratus sasaran pendaftaran vaksin
Astro Awani
21 Jun 2021

KUALA LUMPUR: Sasaran pendaftaran vaksin COVID-19 di Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mencapai sasaran 100 peratus.

Ia berdasarkan statistik yang dikongsikan di laman web Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) pada Isnin.

Sehingga 11.59 Ahad malam, sejumlah 1,385,714 individu di Kuala Lumpur telah mendaftar untuk mendapatkan vaksin, sementara Putrajaya merekodkan 76,536 pendaftaran.

Dua negeri itu antara 13 negeri dan Wilayah Persekutuan yang mencapai 100 peratus pendaftaran dalam kalangan penduduk yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Di tempat ketiga adalah Selangor dengan 3,745,931 individu (78.90 peratus).

Bagaimanapun, Sabah menjadi negeri paling rendah pendaftaran iaitu hanya 29.19 peratus atau 804,851 individu.

Pada masa sama, Kuala Lumpur dan Putrajaya turut merekodkan jumlah pemberian vaksin yang tinggi.

Sehingga 20 Jun, sejumlah 53.74 peratus atau 724,684 individu telah menerima dos pertama vaksin.

Sementara, 141,094 individu telah menerima suntikan kedua sekali gus melengkapkan proses vaksinasi.

Di Putrajaya, 33,272 individu atau 49.15 peratus telah menerima dos pertama, sementara 20,073 telah melengkapkan dos kedua.

Selangor menjadi antara negeri yang masih merekodkan jumlah penerimaan vaksin yang rendah, iaitu 642,249 (13.5 peratus).

Memetik laporan harian JKJAV, sejumlah 4,202,601 individu atau 12.9 peratus rakyat Malaysia telah menerima dos pertama.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kl-putrajaya-capai-100-peratus-sasaran-pendaftaran-vaksin-304247>